

Headline	TNB jamin bekalan elektrik cukup sepanjang Aidilfitri		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 May 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	16
ArticleSize	107 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,230		



TNB jamin bekalan elektrik cukup sepanjang Aidilfitri

KUALA TERENGGANU – Tenaga Nasional Berhad (TNB) Terengganu memberi jaminan bekalan elektrik mencukupi untuk kegunaan sepanjang musim Aidilfitri di negeri tersebut bila pun penggunaannya dijangka bertambah 30 peratus berbanding hari biasa.

Ketua (Perkhidmatan Pelanggan) TNB Terengganu, Mohd. Nazri Puteh berkata, jaminan tersebut dapat diberikan memandangkan kapasiti bekalan elektrik di negeri itu masih melebihi daripada penggunaan.

“Ketika ini, proses pemeriksaan dan penyelenggaraan giat dilakukan di semua stesen untuk memastikan sistem bekalan elektrik dalam keadaan bersedia

untuk menampung peningkatan beban elektrik berikutan kepulangan ribuan anak perantau ke Terengganu sepanjang Aidilfitri nanti.

“TNB Terengganu juga akan memastikan semua anggota kerja dan segala keperluan genset berada dalam keadaan bersedia untuk meminimumkan gangguan bekalan elektrik seperti mana yang pernah berlaku sebelum ini,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis berbuka puasa TNB bersama warga media Terengganu yang turut dihadiri Timbalan Presiden Kelab Wartawan Media Terengganu (KAWAT), Ahmad Syafri Husnaini Mohammad di sini kelmarin. – Bernama